

Bola Tampar Wanita Ungguli Kejohanan Sukan Staf IPTA Kali Kelima Berturut-turut

Oleh Julija B. Ag. Lamdan

Pasukan bola tampar wanita UMS unggul pada Kejohanan Sukan Staf IPTA Ke-35 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang apabila berjaya menumpaskan pasukan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 3-0 pada perlawanan akhir kejohanan tersebut, sekaligus menambah koleksi pingat emas bagi pasukan UMS dalam kejohanan tersebut. Kejayaan tersebut merupakan kejayaan kali kelima berturut-turut bagi pasukan yang dipimpin oleh Encik Badrul Hisham Hj. Ismail selaku pengurus, dan Encik Ahmad Fadly Abd. Rahman selaku jurulatih.

Kejohanan tersebut menyaksikan UMS menduduki tempat ke-5 keseluruhan mengikut kiraan jumlah pingat, daripada 20 pasukan dari seluruh IPTA yang bertanding dengan pungutan pingat sebanyak 4 emas, 4 perak dan 3 gangsa. Pingat-pingat emas UMS yang lain disumbang melalui sukan Dart dan Olahraga yang menyumbang 2 emas bagi 2 acara.

Olahragawan dan olahragawati UMS, Mohd. Raffie Salibandan dan Norjan Rantie cemerlang apabila mencatat rekod baru kejohanan bagi acara yang disertai, dengan Mohd Raffie mencatat 33.35 meter bagi acara lempar cakera kategori lelaki, manakala Norjan mencatat 26.93 meter bagi acara Lempar Cakera Wanita. Satu lagi catatan emas menyaksikan pasukan Dart UMS mencatat keputusan 7-0 pada perlawanan akhir, menewaskan pasukan dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sementara itu, pasukan bola sepak UMS memperbaiki pencapaian mereka pada tahun lalu, apabila memperoleh pingat gangsa, hanya tewas 2-1 pada pusingan separuh akhir kepada pasukan tuan rumah yang merupakan salah satu pasukan yang bersaing di Liga Perdana Malaysia.

Ketua Audit Dalam UMS, Encik Ismail Abdul Jalil mengetuai kontinjen pasukan UMS pada kejohanan yang berlangsung selama 10 hari, iaitu bermula dari 16 sehingga 26 Jun.

